

# erti persahabatan



Siti Maryam Md Amin

Nabil merenung jam tangannya. Sudah pukul tiga petang. Namun, rakan baiknya, Ravi masih belum tiba. Sudah setengah jam Nabil menunggu ketibaan Ravi. Nabil cuba menghubungi Ravi tetapi panggilannya tidak dijawab.


Tidak lama kemudian, kelihatan kelibat Ravi menuju ke arah Nabil dengan tergesa-gesa. Nabil memerhatikan Ravi yang **tercungap-cungap** meluru menghampirinya. Seluruh wajah Ravi dibasahi manik-manik peluh.



Jantung Ravi berdegup dengan kencang. Ravi kelihatan cemas. Ravi memohon maaf berkali-kali. Nafasnya masih tercungap-cungap. Nabil cuba menenangkan Ravi. Nabil pasti Ravi mempunyai alasan yang kukuh.

Sangkaan Nabil benar belaka. Ravi tiba lewat kerana dia menghantar jirannya yang cedera pulang ke rumahnya. Senyuman terukir di bibir Nabil. Dia bangga dengan sikap rakan baiknya yang suka membantu orang lain. Sikap Ravi yang prihatin dengan keperluan orang lainlah yang menjadi punca persahabatan mereka menjadi akrab.

**Peristiwa** empat tahun yang lalu masih segar dalam ingatan Nabil. Nabil menangis kerana dompetnya hilang. Ravi datang menghampiri Nabil untuk bertanyakan sebab Nabil menangis. Sebaik sahaja mendengar berita kehilangan dompet tersebut, Ravi segera menghulurkan wang dua dolar kepada Nabil.



Nabil terharu dengan tindakan Ravi. Pada ketika itu, walaupun mereka rakan sekelas, mereka jarang berbual. Namun, Ravi tetap tidak teragak-agak untuk menghulurkan bantuan kepada Nabil.

Nabil mengambil wang yang dihulurkan dengan senyuman yang lebar. Tanpa membuang masa, Ravi dan Nabil beratur untuk membeli makanan bersama. Semenjak kejadian tersebut, hubungan Nabil dan Ravi menjadi rapat seperti isi dengan kuku. Mereka banyak menghabiskan masa bersama.

Hari berganti hari. Kini mereka di darjah enam. Nabil dan Ravi semakin sibuk dengan aktiviti masing-


masing. Mereka semakin kurang meluangkan masa bersama. Adakalanya Nabil terasa hati. Sudah beberapa kali Nabil mengajak Ravi mengulang kaji pelajaran bersama namun ajakannya ditolak mentah-mentah. Ravi kelihatan begitu sibuk selepas sekolah. Setiap kali selepas kelas, Ravi akan **terburu-buru** untuk pulang ke rumah. Nabil tidak pasti sebabnya.

“Ravi, minggu hadapan, aku akan bertanding di peringkat nasional. Kau datang ya?” ujar Nabil ketika bertembung dengan Ravi di lampu trafik di hadapan sekolah. “Sudah tentu,” balas Ravi sambil melemparkan senyuman.

Hati Nabil melonjak gembira. Sudah lama rakannya tidak meluangkan masa bersamanya. Nabil yakin kehadiran Ravi untuk memberi sokongan, pasti akan membuat Nabil semakin bersemangat untuk menjuarai perlawanan bola sepak itu nanti. Sepanjang perjalanan pulang ke rumah, Nabil dan Ravi asyik bergelak ketawa. Nabil amat menghargai detik-detik seperti itu.

Hari yang dinanti-nantikan akhirnya tiba. Nabil dan rakan-rakan sepasukannya telah berlatih dengan bersungguh-sungguh selama berbulan-bulan lamanya.

Hari itu merupakan hari penentuan. Mereka sepasukan memasang harapan setinggi gunung. Mereka berharap untuk menjulang piala juara tahun itu. Mata Nabil **melingas** mencari-cari kelibat rakannya. Perlawanan akan dimulakan tidak lama lagi. Nabil masih menantikan kehadiran Ravi. Ravi masih belum muncul. Rasa kecewa mula menyelubungi diri Nabil.



Dia tidak menyangka Ravi akan memungkiri janjinya. Walhal baru dua jam yang lalu Nabil mengingatkan Ravi tentang perlawanan hari itu. Mustahil Ravi terlupa.


Nabil gagal memberi tumpuan sepenuhnya semasa di padang. Matanya sibuk mencari-cari kelibat rakannya. Semasa rehat separuh masa, jurulatih menegur Nabil.

“Nabil, saya harap awak dapat berikan tumpuan sepenuhnya ketika bermain. Lupakan segala masalah kamu buat seketika. Jangan kecewakan pasukan kamu,” nasihat Cikgu Taha, jurulatih pasukan bola sepak sekolahnya.

Walaupun agak tersinggung dengan teguran jurulatihnya, Nabil **akur** akan kebenaran kata-kata Cikgu Taha.

“Yeay!” sorak rakan-rakan sekolah Nabil yang datang sebagai penyokong.

Pasukan Nabil berjaya menjulang piala juara buat julung kalinya. Nabil tersenyum lebar. Impiannya untuk menjuarai perlawanan peringkat nasional



akhirnya tercapai. Dia tidak sabar mahu berkongsi berita gembira itu dengan Ravi.

Dia **mencapai** telefon bimbitnya. Panggilannya tidak dijawab. Nabil segera membuat keputusan untuk menghantar pesanan ringkas. Jari jemarinya menaip pesanan ringkas untuk Ravi dengan pantas.



“Nabil, kamu ada masalah? Ayah lihat kamu murung sahaja,” tegur ayah Nabil selepas makan malam.

“Apa salah Nabil? Mengapakah Ravi tidak mahu datang untuk memberi sokongan kepada Nabil siang tadi? Bukankah kita sudah lama bersahabat baik?”

Nabil tidak menyangka Ravi akan **menghampakan** Nabil. Pesanan ringkas yang Nabil kirimkan pun tidak **dibalas**," luah Nabil dengan nada yang kecewa.

Ayah Nabil memeluk Nabil. Barulah beliau faham sebab anaknya diam sahaja sepanjang makan malam tadi. Ayah Nabil menghela nafas panjang.

"Nabil, Ravi ada alasannya tersendiri. Dia ada urusan yang lebih penting siang tadi," terang ayah Nabil.

Nabil segera **menoleh** ke arah ayahnya.

Dia tertanya-tanya akan maksud yang ingin disampaikan oleh ayahnya.

"Nenek Ravi dikejarkan ke hospital siang tadi. Sebenarnya, sudah enam bulan nenek Ravi asyik berulang-alik ke hospital. Tekanan darah neneknya rendah. Sudah beberapa kali neneknya pitam dan



pengsan. Sebab itulah setiap kali selepas sekolah,



Ravi akan bergegas untuk pulang ke rumah. Dia mahu menjaga neneknya," jelas ayah Nabil.

Nabil berasa serba salah setelah mendengar penerangan ayahnya.

Dia berasa malu dengan dirinya sendiri. Sebagai rakan baik,

dia sepatutnya peka tentang masalah yang melanda rakan baiknya. Dia harus memberi sokongan moral kepada rakannya. Dia tidak patut memikirkan tentang dirinya sahaja.

Keesokan harinya, Nabil sekeluarga melawat nenek Ravi di hospital. Ravi kelihatan begitu sedih sekali. Melihat keadaan rakan baiknya, air mata mula **bertakung** di kelopak mata Nabil. Dia cuba mengawal perasaannya.

Wajah Ravi yang awalnya muram berubah menjadi ceria tatkala melihat rakannya di hadapannya.


Ravi meluahkan apa yang terbuku di dalam hatinya selama ini. Ravi merahsiakan perkara itu kerana dia tidak mahu membebankan Nabil dengan masalahnya. Di sudut hati Nabil, dia berdoa agar Ravi terus tabah menghadapi ujian hidup.



# Glosari

---

<b>tercungap-cungap</b>	bernafas kencang (melalui mulut atau hidung) kerana kepenatan
<b>peristiwa</b>	kejadian
<b>terburu-buru</b>	tergesa-gesa
<b>melingas</b>	memandang ke sana sini dengan pantas seolah-olah sedang mencari sesuatu
<b>akur</b>	setuju
<b>mencapai</b>	mengambil
<b>dibalas</b>	dijawab
<b>menghampakan</b>	mengecewakan
<b>menoleh</b>	memusing atau memalingkan muka untuk melihat
<b>bertakung</b>	tidak mengalir, tergenang





# Trivia

Tahukah kamu?

Salah faham sering berlaku apabila timbulnya persepsi yang kurang tepat dalam fikiran kita. Kita mudah membuat andaian kita sendiri berdasarkan informasi yang kita terima melalui pancaindera kita terutamanya melalui penglihatan dan pendengaran kita. Kita akan mula untuk membuat interpretasi kita sendiri berdasarkan apa yang kita lihat atau dengar tanpa mendapatkan penjelasan terlebih dahulu. Pengalaman dan pengetahuan sedia ada kita juga memainkan peranan dalam pembentukan persepsi kita terhadap seseorang atau sesuatu perkara. Oleh itu, untuk mengelakkan berlakunya salah faham, kita haruslah bijak berkomunikasi dengan orang di sekeliling kita.



## Aktiviti Bersama Keluarga

1. Bertanyalah kepada ayah atau ibu anda pengalaman mereka menyelesaikan salah faham ketika mereka berkawan di bangku sekolah.
2. Bincangkan bagaimana kamu boleh memainkan peranan sebagai sahabat yang baik ketika rakan kamu ditimpa masalah.

